



1. Which of the following are misconceptions?
Antara yang berikut, yang manakah adalah tanggapan yang salah?
- J Friction is a disadvantage
Geseran adalah satu kelemahan
- K The surface of roads is made rough to reduce cost
Permukaan jalan raya dibuat kasar untuk mengurangkan kos
- L Friction has magnitude and no direction
Geseran mempunyai magnitud dan tidak mempunyai arah

- ☐ A J only
J sahaja
- ☐ B J and K
J dan K
- ☐ C K and L
K dan L
- ☐ D J, K and L
J, K dan L

2. Lina wants to convert 45 kg into Newton (N). Which of the following is true about the calculation?
Lina ingin menukar 45 kg kepada Newton (N). Antara yang berikut, yang manakah benar tentang pengiraan itu?

- ☐ A $\frac{45}{10}$
- ☐ B 45×10
- ☐ C $\frac{(45 \times 1\,000)}{10}$
- ☐ D $45 \times 1\,000 \times 10$

3. What is the unit of force?
Apakah unit bagi daya?

- ☐ A Newton
- ☐ B Joule
- ☐ C Kilogram
- ☐ D Watt

4. Which of the following statements about force is true?
Antara pernyataan tentang daya berikut, yang manakah benar?

- ☐ A We cannot feel force
Kita tidak boleh merasa daya
- ☐ B We can see the force
Kita boleh melihat daya
- ☐ C We can create the force
Kita boleh mencipta daya
- ☐ D It is a type of energy
Ia adalah sejenis tenaga


5. Which of the following statements is true?
Antara pernyataan berikut, yang manakah benar?

- ☐ A $1\text{ kg} = 10\text{ newton}$
- ☐ B $1\text{ kg} = 10\text{ joule}$
- ☐ C $1\text{ kg} = 10\text{ gram}$
- ☐ D $1\text{ kg} = 10\text{ watt}$

6. A rock that is pushed will **not** move when...
*Sebiji batu yang ditolak **tidak** akan bergerak apabila...*
- J force exerted is more than the friction between rock and floor.
daya yang dikenakan adalah lebih banyak daripada geseran antara batu dan lantai.
- K force exerted is less than the friction between rock and floor.
daya yang dikenakan adalah kurang daripada geseran antara batu dan lantai.
- L the floor is added with sand.
lantai itu ditambahkan dengan pasir.

- ☐ A J only
J sahaja
- ☐ B J and K
J dan K
- ☐ C K and L
K dan L
- ☐ D J, K and L
J, K dan L

7. The diagram below shows a kind of lever system.
Rajah di bawah menunjukkan sejenis sistem tuas.



Which of the following does **not** belong to the same class of levers as shown in the diagram above?
*Antara yang berikut, yang manakah **tidak** tergolong dalam kelas tuas yang sama seperti yang ditunjukkan dalam rajah di atas?*

- ☐ A 
- ☐ B 
- ☐ C 
- ☐ D 

8. Which of the following forces causes wear on the surface of car tyres?
Antara daya berikut, yang manakah menyebabkan haus pada permukaan tayar kereta?

- ☐ A Magnetic force
Daya magnet
- ☐ B Elastic force
Daya elastik
- ☐ C Frictional force
Daya geseran
- ☐ D Normal force
Daya normal

9. Which of the following materials **cannot** be used to reduce friction?
Antara bahan berikut, yang manakah **tidak** boleh digunakan untuk mengurangkan geseran?

- ☐ A Oil
Minyak
- ☐ B Ball bearings
Bebola
- ☐ C Wheels
Roda
- ☐ D Sandpaper
Kertas pasir

10. Which of the following is correctly matched?
Antara yang berikut, yang manakah dipadankan dengan betul?

- ☐ A

Force at work Daya pada kerja	Situation Situasi
Magnetic force Daya magnet	A ball thrown falls down Sebilah bola yang dilambung jatuh ke bawah
- ☐ B

Force at work Daya pada kerja	Situation Situasi
Electrostatic force Daya elektrostatik	Two balloons with like charges repel each other Dua belon dengan cas yang sama menolak antara satu sama lain
- ☐ C

Force at work Daya pada kerja	Situation Situasi
Pushing force Daya tolakan	An object stays still on the floor Suatu objek kekal pegun di lantai
- ☐ D

Force at work Daya pada kerja	Situation Situasi
Frictional force Daya geseran	A swing moves back and forth Buai bergerak ke depan dan belakang

11. Which of the following shows the application of a pushing force?
Antara yang berikut, yang manakah menunjukkan aplikasi daya tolakan?

- ☐ A Lifting a box from the floor
Mengangkat kotak dari lantai
- ☐ B Cutting a paper with scissors
Memotong kertas dengan gunting
- ☐ C Climbing a tree
Memanjat pokok
- ☐ D Stretching a rubber band
Meregangkan gelang getah

12. Ali has two spanners of the same size, P and Q, but P has a longer handle compared to Q. If held at the end of the handle, which spanner is more effective in loosening a nut and why?
Ali mempunyai dua sepang yang sama saiz, P dan Q, tetapi P mempunyai pemegang yang lebih panjang berbanding dengan Q. Jika dipegang di hujung pemegang, sepang manakah lebih berkesan melonggarkan nat dan mengapa?

- ☐ A P because it has a larger moment
P kerana mempunyai momen yang lebih besar
- ☐ B P because it has a smaller moment
P kerana mempunyai momen yang lebih kecil
- ☐ C Q because it has a larger moment
Q kerana mempunyai momen yang lebih besar
- ☐ D Q because it has a smaller moment
Q kerana mempunyai momen yang lebih kecil

13. Which of the following surfaces is related to the strongest frictional force?
Antara permukaan berikut, yang manakah berkaitan dengan daya geseran yang paling



- ☐ A Parquet floor
Lantai parket
- ☐ B Wet, tarred road surface
Permukaan jalan raya bertar yang basah
- ☐ C Dry, tarred road surface
Permukaan jalan raya bertar yang kering
- ☐ D Polished marble floor
Lantai marmar bergilap

14. The gravitational force is due to...
Daya graviti adalah disebabkan oleh...

- ☐ A the attractive force of an object with another object.
daya tarikan satu objek dengan objek lain.
- ☐ B the frictional force between an object and the surface of the earth.
daya geseran antara satu objek dan permukaan bumi.
- ☐ C the gravitational force pulling an object towards the earth.
daya graviti menarik satu objek ke arah bumi.
- ☐ D the repulsive force between an object and another object.
daya tolakan antara satu objek dan objek yang lain.


15. Which of the following shows the application of increasing pressure in daily life?
Antara yang berikut, yang manakah menunjukkan aplikasi meningkatkan tekanan dalam kehidupan harian?

- ☐ A Climbing a tree
Memanjat pokok
- ☐ B Change to wide tyre
Tukar kepada tayar lebar
- ☐ C Stretching a rubber band
Meregangkan gelang getah
- ☐ D Cut fruit using sharp knife
Memotong buah menggunakan pisau tajam

16. An object which weighs 500 g is hung on a spring balance. What is the reading on the spring balance?
Satu objek seberat 500 g digantung pada neraca spring. Berapakah bacaan pada neraca spring itu?

- ☐ A 0.5 N
- ☐ B 5.0 N
- ☐ C 50 N
- ☐ D 500 N

17. The diagram below shows the action of the hand placing a thick cardboard under a glass of water.
Rajah di bawah menunjukkan tindakan tangan meletakkan kadbod tebal di bawah segelas air.



The cardboard does not drop from the glass. How does this situation occur?
Kadbod itu tidak jatuh dari gelas. Bagaimanakah situasi ini berlaku?

- ☐ A Water molecules move freely
Molekul air bergerak bebas
- ☐ B Air exerts pressure on the thick cardboard
Udara mengenakan tekanan pada kadbod tebal
- ☐ C Water pressure pushes thick cardboard on the glass
Tekanan air menolak kadbod tebal pada gelas
- ☐ D Atmospheric pressure pulls thick cardboard from the glass
Tekanan atmosfera menarik kadbod tebal daripada gelas

18. Force can be measured by using a...
Daya boleh diukur dengan menggunakan...

- ☐ A thermometer.
termometer.
- ☐ B a triple beam balance.
neraca tiga alur.
- ☐ C lever balance.
neraca tuas.
- ☐ D spring balance.
neraca spring.

19. Which of the following is **not** true about the uses of friction in our daily life?
Antara yang berikut, yang manakah **tidak** benar tentang kegunaan geseran dalam kehidupan seharian?

- ☐ A Friction enables us to light up a match.
Gesperan membolehkan kita menyalakan mancis.
- ☐ B Friction enables us to stop a moving car.
Gesperan membolehkan kita memberhentikan kereta yang bergerak.
- ☐ C Friction enables a hovercraft to move at a high speed.
Gesperan membolehkan hoverkraf bergerak pada kelajuan yang tinggi.
- ☐ D Friction enables us to hold a glass in our hand.
Gesperan membolehkan kita memegang gelas dengan tangan.

20. Which of the following requires a force?
Antara yang berikut, yang manakah memerlukan daya?

- J Pushing a car
Menolak kereta
- K Writing on a piece of paper
Menulis di atas sekeping kertas
- L Lifting a pail of water
Mengangkat sebalai air

- ☐ A J only
J sahaja
- ☐ B J and K
J dan K
- ☐ C K and L
K dan L
- ☐ D J, K and L
J, K dan L